

TARIKH : 26 OGOS 2025
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA : 17
SURAT

Sasar 3% kepada KDNK dalam 5 tahun

Harian Metro | Selasa 26.08.2025

@hmetromy f HarijanMetro @hmetromy www.hmetromy.my 17

lokal

Bernama **PENGURANGAN DEFISIT FISKAL**

Kuala Lumpur

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan hutang baharu negara berkurang secara berperingkat meskipun berdepan polemik politik berterusan mengenai kedudukan keseluruhan hutang negara.


Anwar juga Menteri Kewangan berkata, pengurangan itu penting kerana selagi defisit fiskal wujud, jumlah keseluruhan hutang terus bertambah.

"Defisit fiskal memang mencabar. Kerajaan MADANI yang pertamanya sedang cuba menurunkan defisit fiskal dan hutang baharu walaupun menjadi polemik politik tidak berkesudahan...kenapa kita kena turunkan (defisit)? Kalau tidak turunkan, hutang akan membengkak.

"Sebab itu defisit harus dikurangkan...kita dah kurangkan daripada 5.6 peratus, lima peratus, empat peratus dan sekarang kita unjurkan 3.8 peratus, dan tahun berikutnya untuk terus menurun," katanya semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) di Dewan Negara, semalam.

Beliau berkata, hutang keseluruhan bertambah kerana beban faedah hutang lama yang diwarisi, kerana pinjaman baharu dan rekod jelas me-

Sasar 3% kepada KDNK dalam 5 tahun



ANWAR membentangkan RMK13 di Dewan Negara, semalam.

nunjukkan hutang baharu berkurang.

Menurutnya, kerajaan komited untuk terus menurunkan defisit fiskal secara berperingkat dengan sasaran mencapai paras tiga peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh lima tahun akan datang, dan mencapai paras hutang tidak melebihi 60 peratus kepada KDNK.

"Sebab itu defisit harus dikurangkan...kita dah kurangkan daripada 5.6 peratus, lima peratus, empat peratus dan sekarang kita unjurkan 3.8 peratus, dan tahun berikutnya untuk terus menurun"

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

3 senator baharu angkat sumpah

Kuala Lumpur: Tiga Ahli Dewan Negara mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Awang Beme Awang Ali Basah, semalam.

Mereka tokoh aktivis belia yang juga Ketua Cabang PKR Rembau Dr Jufitri Joha, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP Datuk Wu Him Ven dan veteran DAP Datuk Leong Ngah Ngah.

Jufitri dan Wu lantikan baharu Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan masing-masing bagi tempoh tiga tahun, manakala Leong lantikan Yang di-Pertuan Agong untuk tempoh hingga 24 Ogos 2028.

Awang Beme mengucapkan tahniah atas pelantikan ketiga-tiga Ahli Dewan Negara itu dan mengingatkan agar institusi senat Dewan Negara dimartabatkan sebagai badan legislatif tertinggi negara dan melontarkan idea, pandangan serta cadangan yang benar-benar bebas daripada pengaruh peribadi dan politik dalam memutuskan sesuatu rang undang-undang atau usul.